



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
04 JULAI 2019 (KHAMIS)

AKHBAR	MUKA SURAT
Harian Metro	
- Kenal Pasti Tapak Pembuangan Sampah Haram	16
Utusan Malaysia	
- Kewajipan PBT Memelihara Kesejahteraan Rakyat	17



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 04 JULAI 2019 (KHAMIS)	
Akhbar	Harian Metro
Tajuk Berita	Kenal Pasti Tapak Pembuangan Sampah Haram
Muka Surat	16

Kenal pasti tapak pembuangan sampah haram

Johor Bahru: Kerajaan menerusi pihak berkuasa tempatan (PBT) seluruh negara perlu mengambil langkah proaktif mengenal pasti semua tapak pembuangan sampah haram dan tapak pembuangan sisa kimia haram bagi mengelak pencemaran yang berlaku di Pasir Gudang, di sini, berulang.

Pengerusi Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (Niosh) Tan Sri Lee Lam Thye berkata, sebagai aktivis beliau bergerak ke seluruh negara dan dapat melihat banyak tapak pembuangan sampah haram.

"Saya ibaratkan ia sebagai bom jangka yang menunggu masa untuk memberi kesan

“**Selain pelbagai agensi kerajaan dan PBT, penduduk perlu bekerjasama dan menyalurkan maklumat kepada pihak berkuasa sekiranya melihat kelakuan mencurigakan**”

Lee Lam Thye

buruk kepada alam sekitar dan orang awam. Apa yang berlaku di Pasir Gudang ketika ini boleh berlaku di mana-mana sahaja di seluruh negara.

"Setakat ini, tiada jumlah tepat tapak sampah haram



atau pembuangan sisa kimia namun sekiranya dibiarkan ia boleh menyebabkan bencana besar kepada penduduk.

"Selain itu, setiap negeri mempunyai kawasan industri sendiri dan PBT ma-

sing-masing perlu menjadi-kan kejadian di Pasir Gudang sebagai contoh serta mengambil langkah tegas," katanya selepas merasmikan *Seminar World Day For Safety and Health at work* di Niosh Wilayah Selatan di sini, semalam.

Menurutnya, beliau mencadangkan satu program ag-resif untuk kenal pasti kawasan pembuangan sampah dan sisa toksik haram termasuk di kawasan berham-piran sungai.

Katanya, selain pelbagai agensi kerajaan dan PBT, penduduk perlu bekerjasama dan menyalurkan mak-lumat kepada pihak berku-sa sekiranya melihat kela-kuan mencurigakan.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 04 JULAI 2019 (KHAMIS)	
Akhbar	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	Kewajipan PBT Memelihara Kesejahteraan Rakyat
Muka Surat	17

Kewajipan PBT memelihara kesejahteraan rakyat

um 4/7/19 ms17



Salleh Buang

MENGIKUT maklumat dalam portal Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), negara kini punyai 149 pihak berkuasa tempatan (PBT) termasuk Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), iaitu 12 Dewan/Majlis Bandaraya, 39 Majlis Perbandaran dan 98 Majlis Daerah. Paling terkini ialah Majlis Daerah Putatan dan Majlis Daerah Pitas, Sabah. (lihat <http://www.kpkt.gov.my>).

Majlis/Dewan Bandar Raya adalah Majlis Perbandaran yang dinaiktaraf kepada bandar raya setelah memenuhi kriteria yang ditetapkan, iaitu jumlah penduduk tidak kurang dari 500,000 orang dan hasil tahunan hendaklah melebihi RM100 juta.

Bagi Majlis Perbandaran, kriteria yang ditentukan adalah jumlah penduduknya mesti melebihi 150,000 orang dan hasil tahunan mesti melebihi RM20 juta. Bagi Majlis Daerah pula, jumlah penduduknya adalah kurang daripada 150,000 orang dan hasil tahunan kurang daripada RM20 juta.

Kesemua PBT terletak di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri masing-masing. Untuk memperkasa PBT di seluruh negara, KPKT telah membangunkan Pelan Transformasi PBT, bertema "PBT di Hati Rakyat", yang mengandungi enam teras utama, 23 strategi dan 208 program. Teras ke 4 adalah kesejahteraan rakyat.

Teras ke 4 ini mengandungi tiga strategi iaitu meningkatkan mutu alam sekitar, mewujudkan persekitaran yang selamat dan sejahtera, dan pemeliharaan nilai budaya dan warisan.

Menjelaskan matlamat utama pelancaran Pelan Transformasi PBT ini, portal KPKT menyatakan rakyat negara ini akan "mendapat perkhidmatan terbaik, menikmati kehidupan yang berkualiti dengan persekitaran kondusif serta peningkatan kemakmuran ekonomi."



UNTUK memperkasa PBT di seluruh negara, KPKT telah membangunkan Pelan Transformasi yang bertema "PBT di Hati Rakyat". -GAMBAR HIASAN/UTUSAN

“Pendedahannya membuat saya faham kenapa pencemaran Sungai Kim-Kim boleh berlaku tiga bulan lalu dan kenapa kali ini pencemaran udara oleh gas toksik terjadi.

PBT PASIR GUDANG

Soalnya kini "Apakah PBT Pasir Gudang sudah mampu menunaikan kewajipannya kepada rakyat setempat selaras dengan kehendak pelan transformasi PBT ini?"

Portal rasmi Majlis Perbandaran Pasing Gudang (MPPG) menceritakan sejarah silamnya sejak ia ditubuhkan pada 1 Julai 2008 di bawah Akta Kerajaan Tempatan, 1976 (Akta 171). (<http://www.mppg.gov.my>).

MPPG sebenarnya mula wujud pada 1 Julai 1977 apabila Majlis Bandar Pasir Gudang ditubuhkan melalui satu Pengisytiharan Johor bertarikh 17 Februari 1977.

Pada tarikh yang sama, Johor Corporation (JCorp) yang pada asalnya dikenali sebagai Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Johor (PKENJ) telah dilantik dengan PBT bagi mentadbir dan memajukan kawasan

MPPG

JCorp diamanahkan oleh Kerajaan Negeri Johor untuk mentadbir PBT Pasir Gudang dari 1 Julai 1977 hingga 30 Jun 2009. Mulai 1 September 2009, pengurusan MPPG diambil alih sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri - dalam bahasa mudah, ditadbir oleh pegawai JCS (Johor Civil Service).

Portal rasmi PBT Pasir Gudang itu juga menyatakan bahawa sebagai PBT ia beriltizam memberikan perkhidmatan berkualiti dan profesional untuk mencapai enam objektif, antaranya mengurus alam sekitar dengan berkesan dan dinamik.

Mengenai Visi dan Misinya, portal PBT tersebut menyatakan bahawa MPPG akan memastikan segala penyampaian perkhidmatannya adalah cekap, berkesan dan berkualiti menerusi "pengawasan alam sekitar yang berkesan".

Pada hujung minggu lalu saya sempat berbulu dengan Jamil Khan (pesara kerajaan berusia 65 tahun), penduduk Johor Bahru selama lebih 40 tahun. Beliau mengesahkan berlakunya peralihan pentadbiran PBT Pasir Gudang dari JCorp kepada pegawai JCS kira-kira sepuluh tahun yang lalu itu.

Malangnya, tambah beliau, kualiti pentadbiran PBT itu kini "tidak setaraf" dengan prestasi cemerlang dalam zaman pentadbiran

JCorp dulu.

Apabila saya tanya kenapakah dia berkata demikian, sahabat saya itu memberikan contoh-contoh secara terperinci.

Pendedahannya membuat saya faham kenapa pencemaran Sungai Kim-Kim boleh berlaku tiga bulan lalu dan kenapa kali ini pencemaran udara oleh gas toksik terjadi.

Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Yeo Bee Yin, mengakui bahawa punca pencemaran udara oleh gas beracun yang berlaku minggu lalu itu belum lagi diketahui, walaupun tiga jenis gas telah dikenal pasti, iaitu acrylonitrile, akrolein dan methyl mercaptan. Mengikut ahli akademik Dr. Zulkifli Abdul Rashid gas acrylonitrile boleh menyebabkan kanser.

PENGUATKUASAAN YANG LEMAH

Ahli Parlimen Pasir Gudang, Hassan Abdul Karim kecewa dengan kegagalan kerajaan negeri Johor mengambil pengajaran dari insiden pencemaran Sungai Kim-Kim tiga bulan lalu.

Pada pendapatnya faktor penguatkuasaan yang lemah serta ketiadaan satu pelan tindakan kukuh menyebabkan pencemaran udara berlaku baru-baru ini.

insiden pencemaran minggu lalu menunjukkan kerajaan negeri gagal mengambil pengajaran daripada insiden yang berlaku pada Mac lalu.

Beliau minta kerajaan negeri segera maklumkan rakyat "pelan serta strategi" untuk menangani krisis

pencemaran gas beracun ini. Jumaat lalu saya sempat tanya Nik Ramly (seorang pengamal perancangan bandar) tentang perlunya ada *buffer zones* memisahkan kawasan industri berat (seperti kilang kimia yang mengeluarkan gas beracun) dengan kawasan perumahan.

Jawabnya kerajaan telah pun keluarkan satu garis panduan mengenai isu itu, bertajuk "*guidelines for siting and zoning of industry and residential areas*" (setebal 134 halaman).

Mengenai pencemaran gas beracun yang berlaku di Pasir Gudang ini, Ramly berkata, masalahnya bukan ketiadaan undang-undang dan garis panduan, tetapi penguatkuasaan dan pelaksanaan yang masih lemah oleh PBT dan agensi awam lain.

Bee Yin, baru-baru ini ada berkata bahawa pembangunan yang tidak lestari boleh membawa kepada mudarat alam sekitar di masa depan.

Selain itu, ketiadaan *buffer zones* yang memisahkan industri berat berasaskan kimia dengan kawasan sekolah, taman perumahan dan pusat kegiatan sosial, akan mendedahkan penduduk setempat kepada bahaya keracunan kimia.

Sultan Johor, Sultan Ibrahim ibni Almarhum Sultan Iskandar murka dan kecewa dengan apa yang berlaku minggu lalu, menisfatkannya sebagai sesuatu yang "hinia dan sangat memalukan" kerana ia mendedahkan betapa lemah dan tidak cekap sistem pengurusan bencana di peringkat negeri.

Sehubungan itu, baginda mahu industri yang memberi kesan buruk kepada alam sekitar dan kesejahteraan rakyat itu "dihapuskan atau dipindah".

DATUK SALLEH BUANG ialah bekas Peguam Persekutuan di Jabatan Peguam Negara dan bekas Profesor Tamu di Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Skudai.